

14 FEB 2001

Sabah-Penggiliran

ANGGOTA BN SABAH DIMINTA TERIMA KEPUTUSAN PM

KOTA KINABALU, 14 Feb (Bernama) -- Semua anggota parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah harus menerima apa juga keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah, kata Setiausaha BN negeri Datuk Karim Bujang hari ini.

Beliau berkata ini perlu bagi mengekalkan kestabilan politik dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negeri itu.

"Kalau kita beri mandat kepada Perdana Menteri, kita harus menghormati keputusannya," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Karim yang juga Pembantu Menteri Kewangan Sabah berharap tidak ada pihak yang mengambil peluang menimbulkan isu-isu yang boleh menggugat perpaduan dan kestabilan di Sabah sejak BN memerintah semula negeri itu pada 1994.

Katanya semua ketua parti komponen BN negeri telah menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

"Jadi, apabila keputusan sudah dibuat, kita harus menerimanya dengan hati terbuka dan berusaha membantu memantapkan kekuatan BN di Sabah. Kita tidak mahu cakap di luar okay, di belakang lain pula," kata Karim.

Isnin lepas, Dr Mahathir berkata beliau akan mengadakan perjumpaan dengan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional Sabah bagi mendapatkan pandangan mereka sebelum membuat keputusan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri negeri itu.

Sistem itu dicadangkan oleh beliau ketika Sabah menghadapi kempen pilihan raya negeri 1994 dan mula dilaksanakan apabila BN mengambil alih tampuk pemerintahan negeri pada tahun yang sama.

Sistem yang unik itu membolehkan pemimpin tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- menerajui kerajaan negeri bagi tempoh dua tahun seorang.

Walaupun pada mulanya ia berjalan lancar, sejak akhir-akhir ini beberapa pihak mencadangkan agar sistem itu dimansuhkan manakala yang lain menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

-- BERNAMA

NT MAI